

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

## **HIS 224 - Institusi Kekeluargaan Islam**

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja. SATU soalan daripada setiap **Bahagian** dalam kertas jawapan yang berasingan.

### **Bahagian A**

1. Menurut Islam, perkahwinan adalah digalakkan, konsep perkahwinan menurut Islam juga mempunyai ciri-cirinya yang istimewa.

[a] Terangkan definisi perkahwinan menurut Islam.

[20 markah]

[b] Bincangkan hikmah-hikmah perkahwinan menurut Islam dan kesan-kesan negatif dari sikap membujang kepada individu serta masyarakat.

[80 markah]

2. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud,

*“Perempuan itu dikahwini dengan sebab hartanya, kecantikannya, keturunannya dan agamanya. Maka hendaklah kamu mengutamakan yang beragama (berpegang taat pada ajaran agamanya) pasti kamu beruntung.”*

...2/-

- [a] Bincangkan pengajaran-pengajaran dari hadith di atas dan kaitannya dengan anjuran pemilihan pasangan dalam Islam.  
[75 markah]
- [b] Huraikan hukum-hukum perkahwinan menurut Mazhab Syafi'ei.  
[25 markah]

**Bahagian B**

3. Ahmad dan Aminah telah berkahwin berwalikan bapa Aminah tanpa sebarang mahar. Berdasarkan pernyataan ini, huraikan beberapa perkara berikut:
- [a] Rukun-rukun nikah menurut mazhab Syafi'ei.  
[25 markah]
- [b] Berdasarkan fakta kes di atas, sejauhmana perkahwinan mereka boleh diterima atau tidak. Berikan alasan anda.  
[25 markah]
- [c] Implikasi terhadap pernikahan di atas.  
[25 markah]
- [d] Hikmah di sebalik Islam mengharuskan perceraian.  
[25 markah]
4. Bincangkan beberapa perkara berikut:
- [a] TIGA kewajipan seseorang suami terhadap para isterinya.  
[25 markah]
- [b] TIGA kewajipan seseorang isteri terhadap suaminya.  
[25 markah]

[c] TIGA kewajipan seseorang bapa terhadap anak-pinaknya.

[25 markah]

[d] TIGA kewajipan seseorang anak terhadap ibu dan bapanya.

[25 markah]

### **Bahagian C**

5. Dengan berdasarkan kepada panduan al-Qur'an, al-Hadith dan kedudukan semasa, berikan pendapat anda tentang amalan poligami.

[100 markah]

6. Ancaman kehilangan jati diri sebagai Muslim adalah antara aspek negatif yang datang bersama dengan era globalisasi tajaan Amerika sekarang ini. Bagi menghadapi ancaman ini, institusi kekeluargaan merupakan satu institusi asas dan terawal yang perlu diberi perhatian dan dimanfaatkan sebaiknya.

Bincangkan asas pembentukan keluarga dalam Islam serta kedudukan dan kepentingannya dalam pembentukan masyarakat yang bahagia dari perspektif Islam.

[100 markah]